Bahasa Lao

Bahasa Lao (ພາສາລາວ *phaasaa laao*) (BGN/PCGN: phasa lao, IPA: [pʰaːsaː laːw]) merupakan bahasa rasmi negara Laos. Ia merupakan bahasa tonal dari keluarga bahasa Kradai dan keluarga Tai. Dialek bahasa Lao dituturkan di Thailand Timur Laut sebagai bahasa Isan. Selain sebagai bahasa utama bangsa Lao, bahasa Laos merupakan bahasa kedua bagi pelbagai suku bangsa di Laos dan Isan. Seperti halnya bahasa-bahasa di Laos, bahasa Laos ditulis dengan huruf abugida. Walaupun tidak ditetapkan sebagai standard rasmi, dialek Vientiane secara de facto adalah dialek rasmi bahasa Laos.

Bahasa Lao	
ພາສາລາວ *phaasaa laao*	
Asli di	Laos, Thailand, Amerika Syarikat, Perancis, Kanada, China
Penutur asli	3,188,577 (1991) (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Tai–Kadai ▪ Kam-Tai ▪ Be-Tai ▪ Tai-Sek ▪ Tai ▪ Barat Daya Tai ▪ Lao-Phutai ▪ **Bahasa Lao**
Status rasmi	
Bahasa rasmi di	Laos
Kod bahasa	
ISO 639-1	`lo`
ISO 639-2	`lao`



Laman ini mengandungi teks Indic. Tanpa menjadikan sokongan anda mungkin melihat vokal janggal berposisi dan kekurangan bergabung. Lebih...

Sejarah

Bahasa Laos adalah turunan dari bahasa Tai yang dituturkan di kawasan yang sekarang disebut Cina selatan dan Vietnam sebelah utara (Yue). Daerah-daerah tersebut dianggarkan menjadi tempat asal bahasa Tai dan beberapa bahasa berkaitan yang dituturkan oleh kelompok minoriti yang saling terserak-serak. Akibat pengembangan bangsa Han dan serbuan bangsa Mongol, orang-orang Tai berpindah ke arah selatan menuju India, turun ke lembah Sungai Mekong, dan ke selatan hingga sampai di Semenanjung Tanah Melayu. Sejarah lisan penghijrahan orang Tai terpelihara dalam bentuk legenda Khun borom. Di tempat yang sekarang disebut Laos, orang-orang Tai menyerap bahasa-bahasa atau tidak lagi memakai bahasa yang ada dulu seperti Mon-Khmer dan bahasa-bahasa Austronesia. Walaupun tersepit di antara persaingan kuasa antara Siam dan Vietnam, orang Laos masih boleh membentuk identiti nasional dan mengintegrasikan dialek-dialek mereka menjadi bahasa bersama.

Wikipedia ***Bahasa Lao***, ensiklopedia bebas